

NOTIS AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Akta") telah diluluskan oleh Kerajaan Malaysia untuk mengawal selia pemprosesan maklumat peribadi dalam transaksi komersial dan telah berkuatkuasa pada 15^{hb} November 2013. Kami sedang mengambil semua langkah untuk mematuhi Akta yang telah diwartakan pada bulan November 2013 dengan memastikan bahawa semua Data Peribadi dan maklumat yang mempunyai maksud seperti termaktub dalam Akta adalah selamat untuk diuruskan. Dalam mematuhi Akta, Institut Kefahaman Islam Malaysia (No. Syarikat 234432-H), adalah termasuk syarikat induk, anak-anak syarikat, syarikat-syarikat yang berkaitan dan syarikat-syarikat sekutu, sama ada pada masa kini atau di masa hadapan ("Institut Kefahaman Islam Malaysia").

Data Peribadi dan Dasar Privasi Institut Kefahaman Islam Malaysia ("Polisi")

- A. Institut Kefahaman Islam Malaysia mengklasifikasikan semua Data Peribadi dan maklumat peribadi sebagai sulit dan persendirian;
- B. Institut Kefahaman Islam Malaysia mengamalkan garis panduan dan prosedur standard dalam memperolehi dan mengurus semua Data Peribadi yang dikumpul, serta mengawal selia pemprosesan, penggunaan, pendedahan, pemindahan dan penyimpanan Data Peribadi anda;
- C. Institut Kefahaman Islam Malaysia bersama-sama kakitangannya bertanggungjawab dalam memastikan permatuhan terhadap obligasi yang terkandung daripada garis panduan perlindungan data dan permatuhan undang-undang tempatan yang berkenaan dengan perlindungan data.

Sila rujuk kepada maklumat-maklumat yang berguna seperti tertera di bawah untuk permahaman anda berhubungan dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010:-

1. Pemerkolehan, Kompilasi dan Penggunaan Data Peribadi

- 1.1. Data Peribadi adalah semua data /maklumat yang diperolehi daripada dan dibekalkan oleh anda secara langsung atau tidak langsung.
- 1.2. Sepanjang transaksi dan urusan anda dengan Institut Kefahaman Islam Malaysia, Institut Kefahaman Islam Malaysia akan meminta dan memperolehi Data Peribadi daripada anda dari semasa ke semasa. Institut Kefahaman Islam Malaysia akan berkongsi Data Peribadi yang diperolehi dalam kumpulan syarikat, syarikat yang berkaitan dan syarikat sekutu melalui kakitangannya atau ejen pihak ketiga yang dibenarkan atau diberikan kuasa dan peguambela dan peguamcara yang dilantik antara satu sama lain dan menggunakan Data Peribadi yang diperolehi dengan mengikuti dan mematuhi Dasar Privasi ini. Data Peribadi diperolehi akan digunakan bersama dengan data atau maklumat yang lain untuk menaiktaraf pelbagai perkhidmatan, jualan produk, promosi dan pengiklanan.

2. Data Peribadi yang akan dikumpulkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia

- 2.1. Institut Kefahaman Islam Malaysia akan mengumpul pelbagai Data Peribadi termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat peribadi seperti berikut daripada anda pada setiap transaksi atau pada bila-bila masa selepas transaksi tersebut:
 - (i) Nama;
 - (ii) Nombor Kad Pengenalan/Nombor Passport;
 - (iii) Alamat pengeposan;
 - (iv) Nombor telefon;

- (v) Alamat e-mel;
- (vi) Jantina;
- (vii) Pekerjaan;
- (viii) Bangsa dan Agama;
- (ix) Gaji yang ditawarkan;
- (x) Orang yang dihubungi semasa kecemasan;
- (xi) Maklumat kad kredit atau akaun bank;
- (xii) Maklumat-maklumat perubatan;
- (xiii) Kemas kini berkenaan promosi/ pengiklanan;
- (xiv) Butir-butir Pembiaya;
- (xv) Harga pembelian dan butiran harta tanah yang dibeli; dan
- (xvi) Syarat-syarat penyewaan dan butir-butir unit/lot yang disewa seperti terkandung dalam Perjanjian Penyewaan.

3. Cara-cara dan Penggunaan Data Peribadi

- 3.1. Semua Data Peribadi yang dikumpulkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia akan digunakan mengikut cara-cara seperti yang berikut dan cara-cara yang ternyata di bawah adalah tidak menyeluruh:-
- i. untuk memudahkan proses dan tujuan dalam penyediaan dokumentasi yang diperlukan berhubungan dengan perkara yang ditransaksikan;
 - ii. untuk pengeposan dan pemakluman tentang produk terbaru Institut Kefahaman Islam Malaysia dan acara yang akan datang dan membolehkan Institut Kefahaman Islam Malaysia untuk menaiktaraf pelbagai perkhidmatan dan jualan produk, promosi dan pengiklanan.
(Sila maklumkan kepada Institut Kefahaman Islam Malaysia secara bertulis jika anda tidak ingin dimaklumkan sebarang kemas kini mengenai perkara tersebut)
 - iii. untuk penghantaran notis, e-mel, surat, sms atau pesanan menerusi media sosial, sebarang komunikasi berkenaan dengan transaksi seperti berikut: -
 - a. jual beli;
 - b. sewaan dan pajakan;
 - c. pengurusan hartanah;
 - d. keahlian;
 - e. jemputan untuk persempahan projek baru atau acara khas; dan
 - f. untuk mengubah terma-terma, syarat-syarat dan dasar-dasar Institut Kefahaman Islam Malaysia.

NOTA: Data Peribadi boleh digunakan untuk urusan Institut Kefahaman Islam Malaysia seperti audit, analisis data, dan penyelidikan untuk menaiktaraf pelbagai perkhidmatan dan jualan produk, promosi dan pengiklanan dan komunikasi dengan pelanggan-pelanggan Institut Kefahaman Islam Malaysia yang dihormati.

- 3.2 Institut Kefahaman Islam Malaysia boleh berkongsi Data Peribadi anda dengan pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang dibenarkan, diberikan kuasa atau diluluskan oleh pihak pengurusan tertinggi Institut Kefahaman Islam Malaysia untuk penyediaan perkhidmatan seperti pembiayaan atau kemudahan kredit, memenuhi permintaan pelanggan-pelanggan, memperkenalkan produk-produk kepada anda, pengurusan dan penaiktarafan data pelanggan, membekalkan perkhidmatan pelanggan, penilaian kepentingan pelanggan dalam pelbagai perkhidmatan dan jualan produk Institut Kefahaman Islam Malaysia, promosi dan pengiklanan dan melaksanakan penyelidikan atau kaji selidik kepuasan pelanggan.

4. Perlindungan Data Peribadi

- 4.1 Institut Kefahaman Islam Malaysia akan mengambil langkah-langkah berwaspada dengan usaha yang terbaik, dari segi pentadbiran dan teknikal untuk melindungi Data Peribadi daripada sebarang kehilangan, kecurian, penyalahgunaan dan akses yang tidak sah, pendedahan, penggunaan, pengubahan atau pemusnahan.

5. Pengekalan Data Peribadi dan Akses

- 5.1 Institut Kefahaman Islam Malaysia akan mengekalkan dan menyimpan data-data Peribadi anda sepanjang tempoh yang diperlukan untuk memenuhi tujuan-tujuan yang berlainan seperti yang tertera dalam Dasar Privasi ini melainkan tempoh pengekalan Data Peribadi yang lebih lama adalah dibenarkan atau dikehendaki di bawah undang-undang.
- 5.2 Untuk memastikan semua data atau maklumat yang diperoleh atau dibekalkan dan keutamaan adalah terkini, lengkap dan tepat, semua pembekal data boleh diberikan hak dan akses untuk mengemas kini, meminda, mengubah atau memansuhkan Data Peribadi dan maklumat dan keutamaan pembekal-pembekal secara bertulis atau e-mel kepada Bahagian Unit Perhubungan Korporat di alamat berikut:-

**Ketua Pegawai Perhubungan Korporat Kanan,
No 2, Langgak Tunku
Off Jalan Tuanku Abdul Halim,
50480 Kuala Lumpur
Tel: +6(03)-6204 6200
E-mel: info@ikim.gov.my**

- 5.3 Institut Kefahaman Islam Malaysia berhak untuk menolak permintaan anda untuk mengemas kini, meminda, mengubah atau memansuh Data Peribadi anda sekiranya pemprosesan permintaan tersebut adalah tidak munasabah, berulang-ulang, memerlukan usaha teknikal yang tidak seimbang, boleh menjelaskan atau membahayakan privasi orang lain, sangat tidak praktikal, tidak sah, tidak adil atau permintaan akses tidak disarankan oleh undang-undang Malaysia.

- 5.4 Dengan memberikan data peribadi anda kepada kami, anda bersetuju untuk kami memproses data peribadi anda seperti yang tertera di Notis Privasi Data Peribadi ini, dan anda mengesahkan bahawa semua data peribadi yang diberikan oleh anda adalah betul dan lengkap, dan tiada data peribadi yang mengelirukan atau yang belum dikemaskinikan setakat tarikh notis ini. Anda mesti, dengan segera, mengemaskini data anda sekiranya terdapat apa-apa perubahan kepada data peribadi yang anda beri kepada kami. [MJP-Klausula Persetujuan Data Peribadi]
- 5.5 Institut Kefahaman Islam Malaysia berhak untuk mengemas kini, meminda dan mengubah Dasar Privasi ini dari semasa ke semasa. Semakan Dasar Privasi terbaru boleh diakses di laman web Institut Kefahaman Islam Malaysia (www.ikim.gov.my).